

24 MAY 1999

Megat-Pasukan

AMALKAN SEMANGAT BERPASUKAN, PEGAWAI DIBERITAHU

KUALA LUMPUR, 24 Mei (Bernama) -- Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Datuk Seri Megat Junid Megat Ayob hari ini mahu setiap pegawai dan kakitangan kementerian berkenaan bekerja sebagai satu pasukan dan komited dengan tugas masing-masing.

Beliau berkata dengan bekerja sebagai satu pasukan, setiap pegawai dan kakitangan bukan sahaja dapat bertugas dengan baik dan cekap malah boleh saling bantu-membantu termasuk menyelesaikan masalah peribadi.

"Bekerja sebagai satu pasukan akan mewujudkan silaturrahim dan perhubungan yang erat untuk bertugas, prihatin dengan masalah bukan setakat masalah kerja tetapi juga mengenai perkara lain seperti peribadi," katanya semasa berucap pada majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 1998 kementerian berkenaan di sini hari ini.

Megat berkata setiap pegawai dan kakitangan juga hendaklah menunjukkan komitmen bekerja, jujur dan peka dengan permasalahan rakyat serta bertindak proaktif menyelesaikannya.

Setiap petugas juga perlu berbincang sesama sendiri serta sanggup menerima perubahan dan mencipta inovasi demi kecemerlangan, katanya.

Megat Junid berharap perkhidmatan cemerlang pegawai dan kakitangan seharusnya bukan untuk mendapatkan anugerah tetapi terbit daripada kejujuran serta rasa tanggungjawab untuk memberikan khidmat yang terbaik.

Beliau turut menyentuh mengenai sikap dan komitmen Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang begitu tekun, komited dan mempunyai pendekatan kerja yang amat dikagumi dan perlu dicontohi.

"Pendekatan kerja PM adalah untuk membina negara cemerlang demi generasi akan datang. Hakikatnya ialah kita perlu belajar banyak daripada PM untuk membina bangsa, masyarakat dan negara yang disegani," katanya.

Seramai 92 pegawai dan kakitangan kementerian itu menerima anugerah perkhidmatan cemerlang pergerakan gaji secara menegak dan melintang.

Menurut Ketua Setiausaha kementerian Datuk Pahamin A. Rajab lebih daripada 80 peratus daripada kira-kira 2,000 pegawai dan kakitangan kementerian mencatatkan prestasi kerja cemerlang tetapi hanya tiga peratus sahaja yang mendapat pengiktirafan.

Katanya tidak ada pegawai dan kakitangan kementerian itu yang ditangkap kerana terbabit dengan masalah rasuah tahun lepas.

-- BERNAMA

HS LAT